

19 SEP 1997

Bank-Mahathir

KEKALUTANN EKONOMI BUAT MAHATHIR DAN ANWAR HADIR PADA MESYUARAT IMF

Oleh: Azman Ujang

HONG KONG, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berada di Hong Kong hujung minggu ini dalam apa yang dilihat sebagai langkah terbaru kerajaan Malaysia untuk memulihkan keyakinan pelabur asing di dalam negara yang baru-baru dikejutkan dengan serangan ke atas ringgit dan pasaran saham yang merosot.

Kehadiran mereka berdua pada mesyuarat tahunan Bank Dunia dan mesyuarat Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dianggap oleh para penganalisis persidangan sebagai penting untuk Dr Mahathir yang jarang-jarang atau mungkin hadir buat pertama kali pada mesyuarat sedemikian.

Perdana Menteri dijangka tiba di sini pada pukul 2.30 petang esok untuk memberi ucap tama pada seminar Bank Dunia tiga jam selepas itu. Beliau akan bercakap mengenai "Asia Sebagai Peluang (Asia as Opportunity)".

Anwar akan tiba pada Ahad untuk menghadiri mesyuarat IMF. Dr Mahathir akan berada di sini hanya untuk semalam, manakala Anwar selama tiga hari sebelum berlepas ke New York pada hari Rabu untuk menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dr Mahathir dan Anwar serta juga Penasihat Ekonomi Kerajaan Malaysia Tun Daim Zainuddin telah menemui pengurus pelaburan asing di Kuala Lumpur sejak seminggu lepas untuk berbincang dari hati ke hati dalam usaha untuk memujuk kembali para pelabur asing yang dilaporkan keluar dari pasaran saham Malaysia secara beramai-ramai berikutan dengan kejatuhan 20 peratus ringgit dan kebimbangan mengenai akaun defisit yang meluas.

Adalah tidak diketahui apa kandungan ucapan Dr Mahathir dan Anwar pada mesyuarat-mesyuarat itu, tetapi para penganalisa menjangkai nada yang lebih memujuk yang akan membantu melegakan kegelisahan pelabur-pelabur itu tentang krisis sejak beberapa minggu lepas mengenai mata wang dan pasaran saham khususnya di Malaysia.

Dr Mahathir telah berulang kali menuduh pakar kewangan AS George Soros mengatur serangan ke atas mata wang Asia Tenggara yang menyebabkan bath Tahi dan Ringgit Malaysia, terutamanya, jatuh ke paras paling rendah yang pernah berlaku dibandingkan dengan dolar AS.

Soros, yang menafikan tuduhan itu, juga akan berucap pada seminar itu, sehari selepas Dr Mahathir, mengenai "Integrasi Global (Global Integration)".

Walaupun laporan akhbar pada awalnya membayangkan kemungkinan Perdana Menteri menemui Soros, Dr Mahathir sendiri telah menafikan spekulasi itu dengan berkata beliau tidak berniat untuk bertemu dengan orang yang beliau sifatkan sebagai spekulator penyangak yang hanya mahu memusnahkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara.

Kedua-dua mesyuarat itu yang akan berlangsung selama 10 hari di Pusat Persidangan dan Pameran Hong Kong diadakan tepat pada masanya ketika rantau itu menghadapi kekalutan kewangan.

Kedua-dua mesyuarat yang akan bermula Isnin ini itu untuk mengkaji dan menangani perkembangan global, dengan tumpuan diberi kepada pengurangan peraturan (deregulation) dan penyeliaan kewangan dan bantuan hutang, menjadi genting lagi dengan krisis berkenaan.

Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong yang menganjurkan kedua-dua mesyuarat itu menjangkai kehadiran 14,000 peserta termasuk para perdana menteri, menteri-menteri, para pegawai, ahli bank dan wartawan, yang akan menjadikannya acara yang lebih besar daripada penyerahan kembali Hong Kong

kepada China dari jajahan British pada 1 Julai lepas.

Menurut pegawai-pegawai di sini, pihak berkuasa China menjadikan kedua-dua mesyuarat itu sebagai peluang utama kepada masyarakat antarabangsa untuk melihat pemerintahan "satu negara, dua sistem" yang dijanjikannya untuk Hong Kong apabila ia kembali kepada China, sedang berlaku.

Pemimpin-pemimpin China termasuk Ziang Zeming dan Perdana Menteri Li Peng dijangka turut hadir.--BERNAMA

AU WAT